

**SATU KAJIAN KE ATAS PENGLIBATAN
REMAJA DALAM MASALAH
PENYALAHGUNAAN DADAH DAN KETUM
(*MITRAGYNA SPECIOSA*) DI MALAYSIA**

MOHD AIZUDDIN AZUAN BIN SUHAIMI

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2024

**SATU KAJIAN KE ATAS PENGLIBATAN
REMAJA DALAM MASALAH
PENYALAHGUNAAN DADAH DAN KETUM
(*MITRAGYNA SPECIOSA*) DI MALAYSIA**

oleh

MOHD AIZUDDIN AZUAN BIN SUHAIMI

**Tesis ini diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sains Kemasyarakatan**

September 2024

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada individu-individu luar biasa yang telah memainkan peranan penting dalam perjalanan akademik saya. Sesungguhnya, tanpa mereka, tesis ini tidak mungkin dapat disempurnakan. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia yang saya sanjungi, **Dr. Darshan Singh A/L Mahinder Singh** atas bimbingan dan sokongan tanpa henti sepanjang perjalanan luar biasa kajian ini. Segala bimbingan yang dicurahkan bukan sahaja telah membentuk tesis ini, bahkan turut membentuk perkembangan saya sebagai penyelidik. Saya amat berbesar hati kerana memiliki beliau sebagai mentor. Saya juga merakamkan ucapan terima kasih yang tak terhingga kepada **Profesor Suresh Narayanan** atas segala panduan statistik beliau. Seterusnya, kepada ibu bapa tersayang, **Suhaimi Bin Masari** dan **Surina Binti Mohamad Supian**, kasih sayang dan sokongan yang tidak terhingga telah mendorong saya ke hadapan dan memperoleh pencapaian ini. Saya sentiasa bersyukur kepada Allah SWT kerana telah mengirimkan ibu bapa yang terbaik kepada saya. Maka, tesis ini menjadi simbol penghargaan saya kepada mereka. Kepada isteri tercinta, **Siti Norlela Bte Mohd Nor**, terima kasih yang tidak terhingga atas segala pengorbanan, sokongan, kesabaran dan pemahaman tidak berbelah bahagi yang diberikan. Dorongan dan kepercayaan yang diberikan adalah sumber kekuatan saya selama ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada **Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK)** kerana telah membenarkan saya untuk mengumpul data berharga bagi kajian ini. Kerjasama yang telah diberikan amatlah dihargai. Akhir sekali, saya dedikasikan tesis ini kepada anak kesayangan saya, **Fatima Adriana Binti Mohd Aizuddin Azuan**. Kegembiraan dan telatah yang menghiburkan telah membawa keseimbangan dalam kehidupan saya sepanjang perjalanan akademik yang mencabar ini.

JADUAL KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
JADUAL KANDUNGAN.....	iii
SENARAI JADUAL.....	viii
SENARAI RAJAH	x
SENARAI SINGKATAN.....	xi
SENARAI LAMPIRAN.....	xiii
ABSTRAK.....	xiv
ABSTRACT.....	xvi
BAB 1 PENGENALAN.....	1
1.1 Pengenalan.....	1
1.2 Masalah Penyalahgunaan Dadah di Seluruh Dunia.....	1
1.3 Masalah Penyalahgunaan Dadah di Malaysia.....	3
1.4 Masalah Penyalahgunaan ATS di Malaysia	7
1.5 Masalah Penyalahgunaan Metafetamin di Malaysia	9
1.6 Penglibatan Remaja dalam Penggunaan Ketum di Malaysia.....	10
1.7 Hubungan antara Penyalahgunaan Dadah dan Ketum di Malaysia	12
1.8 Evolusi Penularan Penyakit Kelamin (STD) termasuk HIV dalam kalangan Pengguna Dadah.....	15
1.9 Pernyataan Masalah.....	18
1.10 Kerangka Konseptual Kajian.....	23
1.11 Hipotesis Kajian.....	24
1.12 Persoalan Kajian.....	24
1.13 Objektif Kajian.....	24
1.14 Kepentingan Kajian	25
1.13.1 Kepentingan kepada pembuat dasar.....	25
1.13.2 Kepentingan kepada kumpulan pelaksana.....	27
1.13.3 Kepentingan kepada golongan sasaran.....	28
1.14 Kesimpulan.....	30
BAB 2 SOROTAN KARYA.....	31
2.1 Pengenalan.....	31
2.2 Sejarah Penyalahgunaan Dadah Remaja	31
2.2.1 Jenis Dadah Digunakan.....	33
2.2.2 Faktor Penyalahgunaan Dadah	34

2.3	Sejarah Penggunaan ATS.....	37
2.3.1	Kesan Farmakologi ATS.....	39
2.3.2	Kesan Penggunaan ATS	41
2.3.3	Rawatan Penggunaan ATS.....	42
2.4	Sejarah Penyalahgunaan Metafetamin	44
2.5	Sejarah Penggunaan Ketum	47
2.5.1	Manfaat Penggunaan Ketum.....	49
2.6	Kesan Psikoaktif Dadah Terhadap Perkembangan Otak	52
2.7	Kesan Penyalahgunaan Dadah Terhadap Tingkah Laku	54
2.8	Kesan Penyalahgunaan Dadah Terhadap Tingkah Laku Seksual Berisiko ...	56
2.9	Kesan Penyalahgunaan Dadah Terhadap Tingkah Laku Berisiko HIV	59
2.10	Model Stress-Diathesis.....	61
2.11	Penguatkuasaan Undang-Undang di Malaysia	63
2.11.1	Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952	64
2.11.2	Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983.....	66
2.12	Kesimpulan.....	68
BAB 3 METODOLOGI.....		69
3.1	Pengenalan.....	69
3.2	Reka Bentuk Kajian.....	69
3.3	Populasi dan Lokasi Kajian.....	71
3.4	Kriteria Pemilihan Sampel Kajian	72
3.4.1	Kriteria Pengambilan Sampel Kajian.....	72
3.4.2	Kriteria Pengecualian Sampel Kajian	73
3.5	Kaedah Persampelan dan Anggaran Saiz Sampel.....	73
3.6	Kajian Rintis	75
3.7	Kaedah Pengumpulan Data.....	79
3.7.1	Fasa Kuantitatif	79
3.7.2	Fasa Kualitatif.....	81
3.8	Instrumen Kajian.....	82
3.9	Definisi Operasional.....	82
3.9.1	Remaja.....	82
3.9.2	Masalah Penyalahgunaan Bahan (SUD)	83
3.10	Etika Kajian	83
3.11	Analisis Kajian.....	84
3.12	Kesimpulan.....	87

BAB 4 HASIL KAJIAN.....	88
4.1 Pengenalan.....	88
4.2 Ringkasan Hasil Kajian.....	88
4.3 Kadar Penyertaan Peserta.....	89
4.4 Ciri-ciri Sosio-demografi Responden.....	90
4.5 Sejarah Menjalani Hukuman Penjara dan Program Rawatan dan Pemulihan Dadah.....	94
4.5.1 Sejarah Menjalani Hukuman Penjara.....	94
4.5.2 Sejarah Penyertaan Program Rawatan dan Pemulihan Dadah	95
4.5.3 Sejarah Penglibatan dalam Aktiviti Pengedaran Dadah	95
4.5.4 Purata Perbelanjaan Mingguan Mendapatkan Bekalan Dadah.....	96
4.5.5 Sumber Pendapatan	96
4.5.6 Sejarah Hukuman Gantung Persekolahan	97
4.6 Sejarah Penyalahgunaan Dadah dalam Kalangan Ahli Keluarga dan Pasangan Intim Responden	97
4.6.1 Purata Bilangan Ahli Keluarga yang Terlibat dengan Masalah Penyalahgunaan Dadah	97
4.6.2 Pasangan Intim Terlibat dengan Masalah Penyalahgunaan Dadah .	98
4.7 Sejarah Penyalahgunaan Dadah.....	98
4.7.1 Min Umur Kali Pertama Menggunakan Dadah	98
4.7.2 Min Tempoh Penyalahgunaan Dadah Mengikut Kategori.....	99
4.7.3 Selang Masa Pengambilan Dadah Harian	99
4.7.4 Kategori Lokasi Sumber Bekalan Dadah	100
4.7.5 Kategori Dadah Digunakan Sewaktu Pengambilan Kali Pertama.	100
4.7.6 Peratus Jumlah Pengguna Mengikut Kategori Profil.....	101
4.7.7 Kategori Dadah Digunakan Sebelum Menjalani Program Rawatan dan Pemulihan.....	102
4.7.8 Tempoh Penyalahgunaan Dadah	103
4.7.9 Faktor Dorongan Penyalahgunaan Dadah	104
4.7.10 Sejarah Penggunaan Tembakau atau Rokok.....	105
4.8 Faktor Penyalahgunaan Dadah Jenis Metafetamin.....	105
4.9 Sejarah Penggunaan Ketum	106
4.9.1 Sejarah Pengambilan Ketum.....	106
4.9.2 Faktor Pengambilan Ketum.....	107
4.9.3 Faktor Tidak Menggunakan Ketum bagi Bukan Pengguna	108
4.9.4 Tempoh Penggunaan Ketum.....	109

4.9.5	Kuantiti Pengambilan Ketum Harian	110
4.9.6	Kekerapan Pengambilan Ketum Harian	110
4.9.7	Pengalaman Penggunaan Ketum	110
4.9.7(a)	Pengambilan Ketum dengan Kekerapan (melebihi 3 gelas sehari) boleh Mengakibatkan Ketagihan.....	111
4.9.7(b)	Pengambilan Ketum adalah Lebih Berbahaya berbanding Dadah-dadah Lain Seperti Heroin dan Metafetamin	111
4.9.7(c)	Pengambilan Ketum Menyebabkan Kesukaran untuk Berhenti.....	112
4.9.7(d)	Penggunaan Ketum Jangka Pendek Berpotensi Mengurangkan Kadar Pengambilan Dadah.....	113
4.9.7(e)	Pengambilan Ketum dan Dadah Mengakibatkan Masalah Ketagihan yang Serius	113
4.9.7(f)	Kesan Pengambilan Ketum Semakin Berubah Mengikut Masa.....	114
4.10	Manfaat Penggunaan Ketum Berdasarkan Pengalaman	115
4.10.1	Meningkatkan Tenaga	115
4.10.2	Pengganti kepada Metafetamin	116
4.10.3	Pengganti kepada Heroin	117
4.10.4	Pengganti kepada Gabungan Penggunaan Metafetamin dan Heroin	118
4.10.5	Meningkatkan Kesan Rangsangan.....	118
4.10.6	Harga Rendah dan Mudah Diperolehi.....	119
4.10.7	Pembolehkan Jangkaan bagi Penggunaan Ketum dalam Kalangan Remaja yang Menggunakan Dadah Jenis Metafetamin dan Heroin	119
4.11	Aktiviti Seksual dan Pengetahuan Tentang HIV.....	121
4.12	Kesimpulan.....	128
BAB 5 PERBINCANGAN		129
5.1	Pengenalan.....	129
5.2	Ringkasan Perbincangan.....	129
5.3	Ciri-ciri Sosio-demografi Responden.....	130
5.4	Sejarah Menjalani Hukuman Penjara dan Program Rawatan dan Pemulihan Dadah	138
5.5	Sejarah Penyalahgunaan Dadah dalam Kalangan Ahli Keluarga dan Pasangan Intim Responden	144
5.6	Sejarah Penyalahgunaan Dadah.....	146

5.7	Faktor Penyalahgunaan Dadah Jenis Metafetamin.....	153
5.8	Sejarah dan Manfaat Penggunaan Ketum Berdasarkan Pengalaman.....	157
5.9	Aktiviti Seksual dan Pengetahuan Tentang HIV.....	164
5.10	Kesimpulan	173
BAB 6 KESIMPULAN.....		174
6.1	Pengenalan.....	174
6.2	Ringkasan Hasil Kajian Utama.....	183
6.3	Kepentingan Kajian	186
6.4	Limitasi Kajian.....	191
6.5	Cadangan Kajian Masa Hadapan.....	192
6.6	Kesimpulan	196
RUJUKAN.....		197
LAMPIRAN		
PENERBITAN		

SENARAI JADUAL

Halaman

Jadual 1.1	Jumlah pengguna dadah mengikut kategori umur bagi tahun 2019 hingga 2021 (Sumber: AADK, Buku Maklumat Dadah, 2021).....	4
Jadual 1.2	Jumlah pengguna dadah mengikut kategori dadah bagi tahun 2019 hingga 2021 (Sumber: AADK, Buku Maklumat Dadah, 2021)	5
Jadual 1.3	Prevalens penggunaan dadah mengikut kategori “Polydrug” dan “Non-Polydrug” serta jantina bagi tahun 2019 hingga 2021 (Sumber: AADK, Buku Maklumat Dadah, 2021)	6
Jadual 1.4	Jumlah keseluruhan klien AADK mengikut jenis program rawatan pemulihan bagi tahun 2021 (Sumber: AADK, Buku Maklumat Dadah, 2021)	7
Jadual 1.5	Bilangan pengguna dadah yang menjalani Program Rawatan Pemulihan dalam Institusi (RPDI) mengikut kategori umur bagi tahun 2021 (Sumber: AADK, Buku Maklumat Dadah, 2021).....	7
Jadual 1.6	Definisi Terma	23
Jadual 4.1	Jumlah peratus dan kekerapan mengikut jantina responden	90
Jadual 4.2	Jumlah peratus dan kekerapan min umur responden mengikut kategori	90
Jadual 4.3	Jumlah peratus dan kekerapan mengikut bangsa responden	91
Jadual 4.4	Tahap pendidikan responden mengikut kategori	92
Jadual 4.5	Status pekerjaan responden mengikut kategori	92
Jadual 4.6	Jumlah pendapatan isi rumah responden mengikut kategori	92
Jadual 4.7	Status ahli kediaman responden mengikut kategori	93
Jadual 4.8	Kategori kediaman responden mengikut kategori	93
Jadual 4.9	Bilangan rakan responden yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah	94
Jadual 4.10	Sejarah penglibatan responden dalam aktiviti pengedaran dadah	96

Jadual 4.11	Purata perbelanjaan mingguan responden bagi mendapatkan bekalan dadah	96
Jadual 4.12	Sumber pendapatan responden mengikut kategori	96
Jadual 4.13	Sejarah hukuman gantung persekolahan responden	97
Jadual 4.14	Purata bilangan ahli keluarga responden yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah	98
Jadual 4.15	Bilangan pasangan intim responden yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah	98
Jadual 4.16	Selang masa penggunaan dadah dalam sehari	100
Jadual 4.17	Kategori lokasi sumber untuk mendapatkan bekalan dadah	100
Jadual 4.18	Tempoh penggunaan dadah responden	104
Jadual 4.19	Faktor penyalahgunaan dadah responden mengikut kategori	105
Jadual 4.20	Sejarah penggunaan rokok responden	105
Jadual 4.21	Faktor penyalahgunaan metafetamin mengikut kategori ...	106
Jadual 4.22	Faktor penggunaan ketum mengikut kategori	108
Jadual 4.23	Faktor tidak menggunakan ketum mengikut kategori	109
Jadual 4.24	Tempoh penggunaan ketum dalam kalangan responden ...	109
Jadual 4.25	Kuantiti pengambilan ketum dalam sehari	110
Jadual 4.26	Kekerapan pengambilan ketum dalam sehari	110
Jadual 4.27	Pembolehubah Jangkaan Penggunaan Ketum	120
Jadual 4.28	Sejarah Penyalahgunaan Dadah oleh Sampel Remaja yang Menjalani Program Rawatan dan Pemulihan Dadah	121
Jadual 4.29	Tingkah laku berisiko HIV remaja lelaki dan perempuan dalam pusat pemulihan dadah	126

SENARAI RAJAH

Halaman

Rajah 1.1	Bilangan pengguna dadah dan pengguna dengan masalah penyalahgunaan bahan global daripada tahun 2011 hingga 2021 (Sumber: UNODC, Laporan Dadah Dunia, 2023)	2
Rajah 1.2	Bilangan kes jangkitan baru HIV di seluruh dunia bagi tahun 1990 hingga 2021 termasuk sasaran pada tahun 2025 (Sumber: UNAIDS, Global AIDS Update, 2022)	17
Rajah 1.3	Kerangka Konseptual Kajian	23
Rajah 4.1	Status perkahwinan dan anak responden	91
Rajah 4.2	Sejarah menjalani hukuman penjara	94
Rajah 4.3	Sejarah penyertaan program rawatan pemulihan dadah responden	95
Rajah 4.4	Min tempoh penyalahgunaan mengikut kategori dadah	99
Rajah 4.5	Kategori dadah kali pertama digunakan	101
Rajah 4.6	Peratusan jumlah pengguna mengikut kategori profil	102
Rajah 4.7	Kategori dadah yang digunakan sebelum menjalani program rawatan pemulihan	103
Rajah 4.8	Sejarah penggunaan ketum dalam kalangan responden	107
Rajah 4.9	Pengambilan ketum dengan kekerapan melebihi 3 gelas dalam sehari boleh mengakibatkan ketagihan	111
Rajah 4.10	Pengambilan ketum adalah lebih berbahaya berbanding dadah lain seperti heroin dan metafetamin	112
Rajah 4.11	Pengambilan ketum boleh menyebabkan kesukaran untuk berhenti	112
Rajah 4.12	Penggunaan ketum jangka pendek berpotensi untuk mengurangkan kadar pengambilan dadah	113
Rajah 4.13	Pengambilan ketum dengan dadah boleh mengakibatkan masalah ketagihan yang serius	114
Rajah 4.14	Kesan pengambilan ketum semakin berubah mengikut masa	115

SENARAI SINGKATAN

AADK	Agensi Antidadah Kebangsaan
ADB	Akta Dadah Berbahaya
AIDS	Acquired Immunodeficiency Syndrome
APA	American Psychological Association
ART	Antiretroviral Therapy
ATS	Amphetamine-type stimulant
CBT	Cognitive Behavioural Therapy
CCRC	Cure & Care Rehabilitation Center
CDC	Centers for Disease Control and Prevention
CI	Confidence Interval
CNS	Central Nervous System
DNA	Deoxyribonucleic Acid
DOSM	Department of Statistics Malaysia
DSM	Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorder
EMCDDA	European Monitoring Centre for Drugs and Drug Addiction
ESPAD	European School Survey Project on Alcohol and Other Drugs
FGD	Focus Group Discussion
GWAS	Genome-wide Association Study
HCV	Hepatitis C Virus
HIV	Human Immunodeficiency Virus
IKU	Institut Kesihatan Umum
IPV	Intimate Partner Violence
IQR	Interquartile Range
JEPeM	Jawatankuasa Etika Penyelidikan Manusia
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPT	Kementerian Pendidikan Tinggi
LSD	Lysergic acid diethylamide
MDMA	3,4-Methylenedioxymethamphetamine

MI	Motivational Interviewing
MMT	Methadone Maintenance Therapy
MSM	Men Who Have Sex with Men
NIAAA	National Institute on Alcohol Abuse and Alcoholism
NIDA	National Institute on Drug Abuse
NPS	New Psychoactive Substances
NSDUH	National Survey on Drug Use and Health
OR	Odds ratio
PBB	Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu
PDRM	Polis Diraja Malaysia
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
PPN	Pelan Pemulihan Negara
PUSPEN	Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik
RM	Ringgit Malaysia
RPDI	Rawatan dan Pemulihan dalam Institusi
RPDK	Rawatan dan Pemulihan dalam Komuniti
SD	Standard Deviation
SNPs	Single-nucleotide Polymorphisms
SPSS	Statistical Package for the Social Science
STD	Sexually Transmitted Diseases
SUD	Substance use Disorder
UNAIDS	Joint United Nations Programme on HIV/AIDS
UNESCO	United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization
UNICEF	United Nations International Children's Emergency Fund
UNODC	United Nations Office on Drugs and Crime
USD	United States Dolar
USM	Universiti Sains Malaysia
WHO	World Health Organization

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN A	SURAT KEBENARAN JAWATANKUASA ETIKA MANUSIA USM
LAMPIRAN B	BORANG SOAL SELIDIK
LAMPIRAN C	PANDUAN SOALAN TEMU BUAL SECARA MENDALAM

**SATU KAJIAN KE ATAS PENGLIBATAN REMAJA DALAM MASALAH
PENYALAHGUNAAN DADAH DAN KETUM (*MITRAGYNA SPECIOSA*)
DI MALAYSIA**

ABSTRAK

Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) mendapati bahawa kebanyakan pengguna dadah remaja yang baru dikesan terlibat dengan tingkah laku seksual tidak selamat dan menyalahgunakan ketum (*Mitragyna speciosa*) di negara ini. Memandangkan golongan ini sukar untuk didekati dan kekurangan kajian mengenai mereka, kajian keratan lintang kaedah campuran ini bertujuan untuk menyiasat tingkah laku berisiko seksual serta motif penggunaan ketum. Seramai 80 orang remaja (berumur antara 13 hingga 19 tahun) yang sedang menjalani program rawatan pemulihan dadah secara mandatori di bawah Seksyen 6, Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 telah direkrut melalui persampelan bertujuan daripada dua buah pusat pemulihan formal (PUSPEN). Semua data kajian dikumpulkan menggunakan borang soal selidik separa berstruktur yang ditadbir sendiri, manakala 21 orang responden mengambil bahagian dalam sesi temu bual mendalam secara bersemuka. Majoriti adalah lelaki (70%, $n=56/80$) dan hanya 24 orang responden adalah perempuan. Kebanyakannya Melayu (96%, $n=77/80$), manakala purata umur sampel adalah 18.2 tahun ($SD=1.40$). Enam puluh tiga peratus ($n=50/80$) menggunakan metafetamin sahaja, dan min tempoh penggunaan dadah sampel adalah 3.15 tahun ($SD=1.5$). Enam puluh sembilan peratus pernah melakukan hubungan seks sebelum ini. Antara tingkah laku seksual berisiko tinggi termasuklah hubungan seks tanpa perlindungan (11%), hubungan seks dengan lebih daripada satu pasangan (84%) dan hubungan seks di bawah pengaruh dadah (94%). Dianggarkan 44% daripada sampel mempunyai pasangan hidup yang menggunakan dadah. Kebanyakan

responden (64%) sadar mengenai manfaat seks secara selamat dan memahami mod penularan HIV (74%). Hasil daripada analisis “*multivariate*” menunjukkan bahawa perempuan berkemungkinan tinggi untuk terlibat dengan hubungan seks tanpa perlindungan dan memiliki pasangan hidup yang menggunakan dadah, manakala lelaki pula lebih cenderung untuk melakukan hubungan seks di bawah pengaruh dadah. Selain itu, sebanyak 60% (n=48/80) pernah menggunakan ketum sebelum ditahan. Ketum biasanya digunakan untuk pelbagai manfaat seperti meningkatkan tenaga, mengurangkan pengambilan metafetamin kristal, meningkatkan euforia, mengurangkan gejala tarikan heroin, sebagai gantian kepada heroin serta mengurangkan penggunaan heroin. Hasil daripada analisis “*multivariate*” menunjukkan bahawa terdapat kebarangkalian tinggi untuk menggunakan ketum dalam kalangan individu yang bekerja, hanya menggunakan metafetamin kristal, pengguna dadah baru dan tidak mempunyai sejarah penahanan sebelum ini. Secara ringkasnya, ia boleh disimpulkan bahawa pengguna dadah remaja cenderung untuk terlibat dalam tingkah laku seksual tanpa perlindungan dan menggunakan ketum untuk merawat masalah penggunaan dadah mereka sendiri. Oleh itu, dapatan empirikal kajian ini menggesa para pembuat dasar untuk melaksanakan intervensi pengurangan bahaya untuk pengguna dadah remaja.

A STUDY ON ADOLESCENT INVOLVEMENT IN DRUG AND KETUM (MITRAGYNA SPECIOSA) ABUSE PROBLEMS IN MALAYSIA

ABSTRACT

National Anti-Drug Agency (AADK) found most of the newly detected adolescent drug users were engaged in unsafe sexual behaviours and abusing ketum (*Mitragyna speciosa*) in the country. While they remain unapproachable and given the paucity of studies involving them, this mixed-method, cross-sectional study aims to investigate the risky sexual behaviours and motives of ketum use. A total of 80 adolescents (age between 13 and 19 years) who were undergoing mandatory drug rehabilitation under Section 6 of the Drug Dependents (Treatment and Rehabilitation) Act of 1983 were recruited through purposive sampling from two formal rehabilitation centres (PUSPEN). All the study data was collected with a self-administered, semi-structured questionnaire, while 21 respondents also participated in the in-depth, face-to-face interviews. Majority were males (70%, n=56/80), only 24 respondents were females. Most Malays (96%, n=77/80), while the samples mean age was 18.2 years (SD=1.40). Sixty-three percent (n=50/80) used methamphetamine only, and the samples mean duration of drug use was 3.15 years (SD=1.5). Sixty-nine percent had engaged in sex previously. High-risk sexual behaviours include having unprotected sex (11%), sex with more than one person (84%), and sex under the influence of drugs (94%). About 44% of the sample had intimate partners who use drugs. Most respondents (64%) were aware of the advantages of safe sex and were familiar with HIV transmission modes (74%). Results from multivariate logistic analysis indicate that females had significantly higher odds of engaging in unprotected sex and having intimate partners who use drugs, whereas, males were, however, more likely to have sex under the influence of drugs. In addition, about 60% (n=48/80) had used ketum

prior to their detention. Ketum was commonly used for many perceived benefits such as for increasing energy, reducing crystal methamphetamine intake, intensifying euphoria, easing heroin withdrawal, as a heroin substitute, and reducing heroin use. Findings from multivariate analysis indicated that higher odds of kratom use were associated with those who were employed, used only crystal methamphetamine, were recent drug users, and had no prior incarceration history. In summary, it can be deduced that adolescent drug users tend to engage in unprotected sex and use ketum to self-treat their drug use problem. Hence, these empirical findings call policymakers to implement harm-reduction interventions for adolescent drug users.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan


Ini adalah bab pertama tesis. Bab pengenalan ini mengandungi pelbagai fakta rujukan mengenai masalah penyalahgunaan dadah yang sedang dihadapi di seluruh dunia termasuk di Malaysia, masalah penyalahgunaan “*amphetamine-type stimulant*” (ATS) di Malaysia, masalah penyalahgunaan ketum, penularan penyakit “*human immunodeficiency virus*” (HIV), pernyataan masalah, hipotesis, persoalan, objektif dan kepentingan kajian. Kesemua maklumat tersebut telah dibentangkan dengan menyeluruh dalam bab ini.

1.2 Masalah Penyalahgunaan Dadah di Seluruh Dunia

Penggunaan dadah dalam kalangan remaja telah menjadi suatu masalah kesihatan umum yang utama di seluruh dunia sejak kebelakangan ini. Proses peralihan daripada zaman kanak-kanak ke zaman remaja termasuk pelbagai perubahan dalam aspek fisiologi, psikologi dan sosial turut menjadikan individu yang berada dalam peringkat umur tersebut lebih terdedah kepada risiko pengambilan dan eksperimentasi dadah. Justeru, pemahaman tentang prevalens masalah penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja di seluruh dunia amat penting bagi membentuk strategi pencegahan dan intervensi yang berkesan.

Menurut “*United Nations Office on Drugs and Crime*” (UNODC) dalam Laporan Dadah Dunia 2023, dianggarkan sebanyak 5.8% daripada populasi dunia yang berumur dalam lingkungan 15 hingga 64 tahun didapati telah menggunakan dadah sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh 12 bulan sebelumnya pada tahun 2021. Bilangan pengguna dadah dunia juga dianggarkan telah meningkat daripada 240

juta orang pada tahun 2011 kepada 296 juta orang pada tahun 2021 (sila rujuk **Rajah 1.1**). Jumlah tersebut menunjukkan peningkatan sebanyak 23% iaitu berbanding sedekad yang lalu sejajar dengan peningkatan populasi dunia. Laporan tersebut turut menunjukkan bahawa ganja kekal menjadi pilihan utama bagi penggunaan bahan terlarang dengan anggaran sebanyak 219 juta orang pengguna pada tahun 2021, diikuti oleh opioid (60 juta orang), amfetamin (36 juta orang), kokain (22 juta orang) dan ekstasi (20 juta orang).



Rajah 1.1, Bilangan pengguna dadah dan pengguna dengan masalah penyalahgunaan bahan global daripada tahun 2011 hingga 2021 (*Sumber: UNODC, Laporan Dadah Dunia, 2023*).

Sementara itu, Laporan Dadah Dunia 2022 mendapati bahawa golongan muda termasuk remaja terus menggunakan lebih banyak dadah berbanding golongan dewasa serta mempunyai tahap penggunaan yang lebih tinggi berbanding generasi terdahulu (UNODC, 2022). Kajian menunjukkan bahawa corak penggunaan dadah dalam kalangan remaja adalah berbeza mengikut jenis bahan dan kawasan di serata dunia. Menurut kajian “*World Health Organization’s Global School-based Student Health Survey*”, alkohol dan tembakau merupakan bahan yang paling banyak digunakan dalam kalangan remaja di seluruh dunia (WHO, 2017). Sebaliknya, penggunaan

beberapa jenis dadah berbahaya seperti kokain, heroin dan metafetamin didapati kurang digunakan oleh golongan remaja tetapi masih mempunyai potensi risiko yang tinggi di beberapa kawasan tertentu.

Pelbagai kajian telah dijalankan untuk mengkaji prevalens penggunaan dadah dalam kalangan remaja di seluruh dunia. Sebagai contoh, kajian “*Monitoring the Future*” yang dijalankan di Amerika Syarikat telah mendapati bahawa prevalens penggunaan bahan terlarang sepanjang hayat dalam kalangan pelajar gred 8, 10 dan 12 masing-masing adalah sebanyak 19.8%, 38.7% dan 49.5% (Johnston et al., 2021). Sementara itu, kajian “*European School Survey Project on Alcohol and Other Drugs*” (ESPAD) turut melaporkan pelbagai prevalens yang berbeza di sekitar benua Eropah seperti prevalens penggunaan ganja sepanjang hayat dalam kalangan remaja yang berusia antara 15 hingga 16 tahun yang dianggarkan sebanyak 5% hingga 44% daripada populasi remaja (Kumpulan ESPAD, 2019).

Secara ringkasnya, prevalens masalah penggunaan bahan terlarang dalam kalangan remaja di seluruh dunia adalah berbeza mengikut kawasan dan jenis bahan yang digunakan. Hal ini disebabkan oleh pengaruh daripada interaksi kompleks yang berlaku antara individu, keluarga, masyarakat dan budaya di sesebuah negara.

1.3 Masalah Penyalahgunaan Dadah di Malaysia

Malaysia, seperti kebanyakan negara lain di dunia telah bergelut dengan isu penyalahgunaan dadah selama bertahun-tahun dan golongan remaja turut tidak terkecuali daripada masalah ini. Kedudukan Malaysia yang strategik sebagai lokasi transit kepada aktiviti pengedaran dadah turut menyumbang kepada kebolehcapaian terhadap pelbagai jenis bahan terlarang dalam negara tersebut. Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) pada tahun 2021, bilangan

individu yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah dan bahan di Malaysia telah mengalami penurunan sebanyak 4% iaitu seramai 123,139 orang berbanding tahun 2020. Sementara itu, sebanyak 94,840 orang daripada jumlah tersebut telah mengikuti program rawatan dan pemulihan di bawah Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983.

Selain itu, golongan belia yang berumur dalam lingkungan 19 hingga 39 tahun telah mencatatkan peratusan tertinggi iaitu sebanyak 65.9% daripada jumlah keseluruhan penagih dadah dan bahan di Malaysia walaupun mengalami kemerosotan sebanyak 2.7% berbanding tahun sebelumnya (AADK, 2021). Bilangan penagih dadah dan bahan bagi kategori remaja dan dewasa juga mengalami penurunan sebanyak 23.3% dan 1.0% berbanding tahun sebelumnya (sila rujuk **Jadual 1.1**). Hal ini berkemungkinan dipengaruhi oleh pandemik Covid-19 yang melanda dunia sejak akhir tahun 2019 yang lalu yang turut memberi kesan terhadap jumlah tangkapan dan penahanan individu yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah dan bahan.

Jadual 1.1, Jumlah pengguna dadah mengikut kategori umur bagi tahun 2019 hingga 2021 (*Sumber: AADK, Buku Maklumat Dadah, 2021*).

<i>Kategori Umur/Tahun</i>	2019	2020	2021	Perbandingan antara tahun 2020 & 2021 (%)
Kanak-kanak (0 – 12 tahun)	5	-	2	-
Remaja (13 – 18 tahun)	3,289	2,556	1,961	-23.3%
Belia (19 – 39 tahun)	96,773	83,401	81,112	-2.7%
Dewasa (≥ 40 tahun)	41,938	42,211	39,959	-1.0%
Tiada Maklumat	194	157	105	-33.1%
Jumlah	142,199	128,325	123,139	-4.0%

Dalam pada itu, “*amphetamine-type stimulant*” (ATS) kekal sebagai dadah yang paling banyak digunakan pada tahun 2021 dengan jumlah pengguna seramai 79,816 orang (64.8%) dan diikuti dengan dadah jenis opiat yang memiliki jumlah pengguna seramai 39,100 orang (31.7%) (sila rujuk **Jadual 1.2**). Majoriti pengguna ATS di Malaysia terdiri daripada golongan remaja yang berusia antara 13 hingga 18 tahun dan diikuti oleh belia yang berumur antara 19 hingga 39 tahun dengan catatan masing-masing sebanyak 86.3% dan 74.8% daripada jumlah keseluruhan pengguna dadah (AADK, 2021). Laporan tersebut turut melaporkan peningkatan sebanyak 26.7% dalam rekod rampasan dadah jenis “*methamphetamine/crystalline*” pada tahun 2021 berbanding tahun sebelumnya. Manakala, heroin dan Erimin-5 mencatatkan rekod rampasan melebihi 100% pada tahun tersebut. Ketum juga mengalami peningkatan ketara dalam jumlah rampasan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) iaitu sebanyak 368,040.39kg pada tahun 2021.

Jadual 1.2, Jumlah pengguna dadah mengikut kategori dadah bagi tahun 2019 hingga 2021 (*Sumber: AADK, Buku Maklumat Dadah, 2021*).

<i>Kategori Dadah/Tahun</i>	2019	2020	2021	Perbandingan antara tahun 2020 & 2021 (%)
ATS	91,684	83,698	79,816	-4.6%
Opiat	43,578	39,599	39,100	-1.3%
Ganja	4,497	3,396	3,179	-6.4%
Lain-lain	1,826	1,063	697	-34.4%
Pil Psikotropik	614	569	347	-39.0%
Jumlah	142,199	128,325	123,139	-4.0%

Di samping itu, majoriti daripada pengguna dadah dan bahan di Malaysia telah dikenalpasti terdiri daripada pengguna dadah kategori “*Non-Polydrug*” iaitu seramai 116,619 (94.7%) orang manakala sebanyak 6,520 (5.3%) orang merupakan pengguna dadah kategori “*Polydrug*” (sila rujuk **Jadual 1.3**). Sementara itu, sebanyak 58.8%

daripada 6,520 orang pengguna dadah “*Polydrug*” didapati telah menggunakan dua jenis dadah berbeza manakala selebihnya iaitu 41.2% didapati menggunakan tiga atau lebih jenis dadah dan bahan pada sesuatu masa atau dalam suatu jangka masa tertentu (AADK, 2021).

Jadual 1.3, Prevalens penggunaan dadah mengikut kategori “*Polydrug*” dan “*Non-Polydrug*” serta jantina bagi tahun 2019 hingga 2021 (Sumber: AADK, *Buku Maklumat Dadah*, 2021).

Kategori	Bilangan Pengguna Dadah dan bahan					
	Lelaki			Perempuan		
Tahun	2019	2020	2021	2019	2020	2021
<i>Polydrug</i>	14,486	6,850	6,353	680	239	167
<i>Non-Polydrug</i>	121,383	115,711	111,469	5,650	5,525	5,150
Jumlah	135,869	122,561	117,822	6,330	5,764	5,317

Seterusnya, statistik yang dikeluarkan oleh AADK pada tahun 2021 menunjukkan seramai 80,246 orang pengguna dadah telah mendapatkan rawatan pemulihan bersama agensi itu. Majortiti daripada jumlah tersebut iaitu sebanyak 73,113 orang pengguna dadah telah menyertai Program Rawatan Pemulihan dalam Komuniti (RPDK) manakala selebihnya iaitu 7,133 orang menjalani Program Rawatan Pemulihan dalam Institusi (RPDI) di Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) yang ditetapkan (sila rujuk **Jadual 1.4**). Kes perintah mahkamah mendominasi bilangan pengguna dadah yang menjalani program RPDI bagi tahun 2021 dengan jumlah sebanyak 6,077 orang berbanding kes sukarela yang mencatatkan jumlah sebanyak 1,056 orang. Sehubungan itu, golongan belia mencatatkan bilangan pengguna dadah yang menyertai program RPDI paling tinggi iaitu seramai 5,168 orang, diikuti oleh golongan dewasa (1,745 orang) dan remaja (220 orang) (AADK, 2021) (sila rujuk **Jadual 1.5**).

Justeru, statistik menunjukkan bahawa prevalens penyalahgunaan dadah yang semakin meningkat khususnya dalam kalangan remaja di Malaysia yang menjadi kebimbangan kepada para pembuat dasar, penyedia perkhidmatan rawatan dan penyelidik (Smith et al., 2019).

Jadual 1.4, Jumlah keseluruhan klien AADK mengikut jenis program rawatan pemulihan bagi tahun 2021 (*Sumber: AADK, Buku Maklumat Dadah, 2021*).

<i>Bilangan Klien</i>	<i>Kes / Individu</i>	2021
Program Rawatan Pemulihan dalam Institusi (RPDI)	Per Kes	7,133
	Per Individu	7,133
Program Rawatan Pemulihan dalam Komuniti (RPDK)	Per Kes	78,384
	Per Individu	73,113
Jumlah	Per Kes	85,517
	Per Individu	80,246

Jadual 1.5, Bilangan pengguna dadah yang menjalani Program Rawatan Pemulihan dalam Institusi (RPDI) mengikut kategori umur bagi tahun 2021 (*Sumber: AADK, Buku Maklumat Dadah, 2021*).

<i>Kategori Umur / Tahun</i>	<i>Kes / Individu</i>	2021
Remaja (13 – 18 tahun)	Per Kes	220
	Per Individu	220
Belia (19 – 39 tahun)	Per Kes	5,168
	Per Individu	5,168
Dewasa (≥ 40 tahun)	Per Kes	1,745
	Per Individu	1,745
Jumlah	Per Kes	7,133
	Per Individu	7,133

1.4 Masalah Penyalahgunaan ATS di Malaysia

Penggunaan dadah perangsang seperti “*amphetamine-type stimulants*” (ATS) yang terdiri daripada metafetamin dan ekstasi telah berada pada tahap yang amat membimbangkan di kebanyakan negara termasuk di Malaysia sejak kebelakangan ini. Bahan-bahan tersebut terkenal dengan kesan rangsangan terhadap sistem saraf pusat yang boleh membawa kepada peningkatan tenaga, daya tumpuan dan kesan euforia.

Penyalahgunaan ATS secara berterusan boleh mengundang kepada pelbagai kesan negatif terhadap kesihatan dan sosial terutama bagi golongan muda.

Satu kajian yang dijalankan oleh Maniam et al. (2016) bertujuan untuk menyiasat corak penyalahgunaan bahan dalam kalangan remaja di Malaysia telah mendapati bahawa terdapat peningkatan ketara dalam penggunaan ATS dengan metafetamin dikenalpasti sebagai salah satu bahan yang paling kerap digunakan oleh golongan remaja. Kajian tersebut juga menekankan tentang kepentingan perlaksanaan langkah-langkah pencegahan dan intervensi yang komprehensif bagi menangani isu penyalahgunaan ATS dalam kalangan remaja di Malaysia.

Selain itu, Cheong et al. (2019) telah menjalankan sebuah kajian bagi menyiasat prevalens dan faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan ATS dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Malaysia. Kajian mendapati bahawa wujud prevalens penggunaan ATS dalam kalangan kumpulan tersebut dengan faktor-faktor seperti pengaruh rakan sebaya, masalah keluarga dan keyakinan diri yang rendah telah menyumbang kepada masalah penyalahgunaan ATS dalam kalangan pelajar sekolah di Malaysia.

Oleh itu, segala usaha untuk menangani penyalahgunaan ATS dalam kalangan remaja di Malaysia perlu melibatkan gabungan penguatkuasaan undang-undang pendidikan dan kempen kesedaran. Pihak kerajaan Malaysia dengan kerjasama pelbagai organisasi telah berusaha untuk memberi kesedaran kepada golongan muda tentang risiko yang berkaitan dengan penyalahgunaan ATS serta menggalakkan gaya hidup yang sihat dalam kalangan mereka.

1.5 Masalah Penyalahgunaan Metafetamin di Malaysia

Metafetamin atau lebih dikenali sebagai ‘syabu’ merupakan salah satu dadah yang paling kerap digunakan dalam kalangan penagih dadah di Malaysia. Walaupun ganja merupakan dadah yang paling kerap digunakan di Malaysia sejak sekian lama, namun, penggunaan dadah sintetik seperti metafetamin telah mencatatkan peningkatan yang ketara sejak tahun 1990-an (AADK, 2010). Menurut statistik yang dikeluarkan oleh AADK (2021), rekod rampasan bagi dadah jenis metafetamin pada tahun 2021 telah menunjukkan peningkatan sebanyak 26.7 peratus berbanding tahun sebelumnya. Hal ini membuktikan bahawa metafetamin telah menjadi pilihan utama di Asia Tenggara terutamanya dalam kalangan populasi dewasa. Namun, prevalens penyalahgunaan bahan tersebut dalam kalangan remaja masih tidak diketahui dengan jelas.

Sehubungan itu, beberapa kajian telah menunjukkan bahawa corak penyalahgunaan pelbagai jenis dadah (*“polydrug”*) termasuk metafetamin dalam kalangan remaja di Malaysia sedang mengalami peningkatan tetapi mungkin belum cukup untuk menggambarkan keseluruhan situasi tersebut (Razali et al., 2018). Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Singh et al. (2014) turut melaporkan bahawa metafetamin merupakan salah satu dadah yang sering disalahgunakan di Malaysia dan majoriti daripada pengguna dadah yang berdaftar berumur dalam lingkungan 19 hingga 39 tahun walaupun tidak memperincikan mengenai jumlah pengguna metafetamin dalam kalangan remaja. Penemuan tersebut didapati sejajar dengan hasil kajian yang dilakukan oleh UNODC dalam Laporan Dadah Dunia 2019, yang menyatakan bahawa terdapat peningkatan penyalahgunaan dadah jenis metafetamin dalam kalangan golongan muda di Asia Tenggara termasuk di Malaysia.

Di samping itu, penyalahgunaan metafetamin di Malaysia didapati telah mengalami peningkatan sejak sedekad yang lalu serta membawa kepada peningkatan pelbagai kes berkaitan penyalahgunaan bahan dan kemasukan ke pusat-pusat rawatan (Hassan et al., 2017). Menurut AADK, jumlah pengguna metafetamin dilaporkan meningkat sebanyak lebih 50% antara tahun 2015 hingga tahun 2020 (AADK, 2020). Faktor-faktor seperti kemudahan akses terhadap metafetamin dan kos yang lebih rendah telah menyumbang kepada peningkatan penyalahgunaan bahan tersebut dalam kalangan pengguna dadah di Malaysia (Das et al., 2018). Tambahan pula, penyalahgunaan metafetamin dapat memberikan pelbagai kesan buruk kepada kesihatan seperti masalah kardiovaskular, gangguan mental (psikiatri), gangguan kognitif dan juga masalah pergigian (UNODC, 2020). Pengguna juga sering mengalami gejala psikotik seperti halusinasi dan paranoia setelah menggunakan metafetamin dalam suatu jangka masa yang panjang (Nordin et al., 2018).

Kesimpulannya, peningkatan prevalens penyalahgunaan metafetamin di Malaysia telah berada di tahap yang membimbangkan. Justeru, usaha-usaha untuk menangani isu ini perlu dilakukan secara komprehensif melalui gabungan penguatkuasaan undang-undang dengan strategi pencegahan dan rawatan. Kajian susulan dan kerjasama daripada semua pihak juga amat penting dalam membanteras masalah penyalahgunaan metafetamin terutama dalam kalangan remaja di Malaysia.

1.6 Penglibatan Remaja dalam Penggunaan Ketum di Malaysia

Sehingga kini, kajian mengenai trend penggunaan ketum dalam kalangan remaja terutama yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah di Malaysia masih memiliki jumlah yang terhad. Ketum atau nama saintifiknya "*Mitragyna speciosa*" merupakan tumbuhan asli di Asia Tenggara serta mempunyai sejarah panjang penggunaan secara tradisional di beberapa buah negara seperti Malaysia, Thailand dan

Indonesia. Ketum sering digunakan untuk kesan perangsangnya dan juga sebagai suatu bentuk perubatan tradisional dalam merawat kesakitan dan lain-lain masalah kesihatan kecil.

Di Malaysia, ketum turut digunakan sebagai kaedah perubatan tradisional melalui pengambilan secara minuman atau dimakan mentah. Walaupun didapati ketum sering digunakan secara tradisional oleh golongan dewasa yang lebih berusia, terdapat beberapa bukti yang menunjukkan bahawa penggunaannya dalam kalangan populasi yang lebih muda juga semakin meningkat sejak kebelakangan ini terutama dalam kalangan remaja yang terlibat dengan masalah penyalahgunaan bahan. Hal ini berkemungkinan disebabkan oleh pelbagai faktor seperti kemudahan akses terhadap ketum serta kos yang lebih rendah berbanding bahan terlarang yang lain.

Kajian yang dijalankan di Malaysia melaporkan bahawa trend penggunaan ketum dalam kalangan remaja yang terlibat dengan aktiviti penyalahgunaan dadah sedang mengalami peningkatan sejak kebelakangan ini. Sebagai contoh, sebuah kajian yang diterbitkan oleh "*Journal of Psychoactive Drugs*" pada tahun 2015 mendapati bahawa penggunaan ketum semakin popular dalam kalangan golongan muda yang terlibat dengan penyalahgunaan bahan seperti kanabis, amfetamin dan opioid (Singh et al., 2015). Selain itu, terdapat juga beberapa laporan yang mencadangkan bahawa segelintir remaja telah menganggap pengambilan ketum sebagai suatu alternatif 'selamat' atau 'semula jadi' kepada dadah berbahaya walaupun keselamatan jangka panjang penggunaan ketum masih belum dikaji atau dikenalpasti dengan baik (Swogger & Walsh, 2018).

Secara ringkasnya, peningkatan prevalens penggunaan ketum dalam kalangan remaja khususnya yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah telah menjadi suatu masalah kesihatan awam yang membimbangkan sejak akhir-akhir ini. Justeru, usaha-usaha untuk menangani isu ini memerlukan pendekatan menyeluruh yang merangkumi kempen kesedaran awam, pendidikan dan pelaksanaan undang-undang bagi memastikan penggunaan ketum dalam kalangan populasi sasaran dapat dikawal.

1.7 Hubungan antara Penyalahgunaan Dadah dan Ketum di Malaysia

Ketum (*“mitragyna speciosa”*) merupakan sejenis tumbuhan tropika yang berasal dari Asia Tenggara seperti Thailand, Malaysia dan Indonesia. Dedaunnya mengandungi bahan psikoaktif termasuk *“mitragynine”* dan *“7-hydroxymitragynine”* yang memberikan kesan rangsangan seperti opioid dan sering digunakan dalam perubatan masyarakat secara tradisi. Walaubagaimanapun, wujud kebimbangan mengenai potensi penyalahgunaan dan ketagihan ketum sejak kebelakangan ini terutamanya dalam konteks penyalahgunaan dadah di Malaysia.

Sejak berkurun lamanya, ketum sering digunakan oleh masyarakat setempat di Malaysia dan negara-negara berhampiran untuk pelbagai tujuan seperti melegakan kesakitan, meningkatkan tenaga dan meningkatkan *“mood”*. Kebiasaannya, kaedah pengambilan ketum dilakukan sama ada melalui kunyahan daun atau meminum air rebusan daun ketum seperti amalan pengambilan teh atau kopi di kawasan-kawasan lain (Lin et al., 2022).

Kajian menunjukkan bahawa terdapat prevalens penggunaan ketum di Malaysia terutamanya dalam kalangan individu yang mencari alternatif kepada pelbagai jenis dadah dan ubat-ubatan termasuk untuk merawat sendiri pelbagai jenis penyakit. Kajian yang dijalankan oleh Singh et al. (2019) mendapati sebanyak 61%

daripada kalangan pengguna dadah di beberapa buah negeri di bahagian utara semenanjung Malaysia dilaporkan menggunakan ketum dengan sebilangan besar menunjukkan corak penggunaan yang kerap.

Selain itu, salah satu aspek penggunaan ketum yang membimbangkan ialah potensinya sebagai bahan pengganti atau tambahan kepada penyalahgunaan opioid. Sebahagian pengguna dadah didapati beralih kepada ketum sebagai alternatif ‘semula jadi’ kepada opioid tanpa menyedari risiko ketagihannya. Kajian yang dilakukan oleh Vicknasingam et al. (2010) telah mencadangkan bahawa individu yang mempunyai masalah kebergantungan terhadap opioid berkemungkinan lebih cenderung untuk menggunakan ketum berbanding individu lain serta merumitkan usaha rawatan dan pemulihan.

Tambahan pula, terdapat beberapa kajian yang mencadangkan bahawa pengguna dadah berkemungkinan beralih kepada penggunaan ketum sebagai pengganti kepada opioid disebabkan oleh ketum memiliki kesan analgesik dan kesan sampingan yang lebih ringan berbanding dadah tersebut. Namun, wujud kebimbangan mengenai risiko penggunaan ketum terutamanya dari sudut potensi bahan tersebut untuk menyebabkan ketagihan dan pelbagai masalah kesihatan lain (Vicknasingam et al., 2010).

Sementara itu, kajian yang dijalankan oleh Grundmann (2017) dan Vicknasingam et al. (2010) mendapati bahawa ciri-ciri psikoaktif yang terdapat pada ketum turut menyumbang kepada potensi penyalahgunaan bahan tersebut di mana penggunaan ketum secara berlebihan didapati membawa kepada ketagihan dan gejala tarikan yang menyerupai opioid tradisional. Seterusnya, perkara ini mendorong kepada penerokaan lanjut terhadap potensi dan interaksi antara ketum dengan bahan lain

seperti dadah terlarang untuk mengenalpasti risiko penyalahgunaan bahan-bahan tersebut. Beberapa kajian juga menunjukkan bahawa pengguna ketum berisiko tinggi untuk terlibat dengan aktiviti penyalahgunaan pelbagai jenis dadah atau “*polydrug*” (Smith et al., 2017).

Di samping itu, konteks sosio-budaya juga memainkan peranan penting dalam mempengaruhi corak penggunaan ketum di Malaysia. Kepercayaan tradisional mengenai sifat perubatan yang dimiliki oleh ketum serta mudah untuk diperolehi di pasaran tempatan turut menyumbang kepada penggunaan bahan tersebut secara meluas. Tambahan pula, stigma masyarakat terhadap individu yang ingin mendapatkan rawatan dan pemulihan bagi masalah ketagihan dadah juga telah mendorong golongan tersebut untuk menjadikan ketum sebagai pilihan yang ‘lebih selamat’ seperti yang dilaporkan oleh Kaur et al. (2012).

Selain daripada itu, status ketum dalam sudut perundangan Malaysia juga adalah kompleks dan dilihat mempengaruhi corak penggunaannya. Sebagai contoh, perbuatan memiliki atau menjual ketum tanpa kebenaran merupakan suatu kesalahan dan telah menyalahi undang-undang secara teknikal. Namun, penguatkuasaan undang-undang adalah berbeza di setiap wilayah atau negeri di Malaysia. Justeru, status undang-undang yang kurang jelas seperti ini dilihat mampu menyumbang kepada peningkatan kadar penyalahgunaan ketum di Malaysia (Yusoff et al., 2016).

Kesimpulannya, terdapat pelbagai bentuk hubungan antara ketum dengan penyalahgunaan dadah di Malaysia yang dipengaruhi oleh tradisi sejarah, corak ketagihan opioid, faktor sosio-budaya dan status perundangan di Malaysia. Beberapa kajian menunjukkan bahawa prevalens penggunaan ketum dalam kalangan individu yang terlibat dengan masalah penyalahgunaan dadah semakin meningkat dan perlu

dikawal agar tidak memberikan implikasi negatif terhadap tahap kesihatan awam di Malaysia.

1.8 Evolusi Penularan Penyakit Kelamin (STD) termasuk HIV dalam kalangan Pengguna Dadah

Penyakit kelamin atau “*sexually-transmitted diseases*” (STD) termasuk HIV merupakan satu masalah kesihatan awam yang amat membimbangkan dalam kalangan pengguna dadah di seluruh dunia. Kajian telah menunjukkan peningkatan yang ketara dalam prevalens jangkitan STD dan HIV dalam kalangan pengguna dadah jenis “*polydrug*” (Su et al., 2018). Penggunaan bahan seperti ubat disfungsi ereksi atau “*erectile dysfunction*” telah dikaitkan dengan kadar jangkitan STD yang lebih tinggi serta menunjukkan kaitan antara penyalahgunaan dadah dengan tingkah laku seksual berisiko (Jena, 2010).


Pelbagai faktor seperti pengambilan dadah melalui jarum suntikan telah dikenal pasti sebagai petunjuk utama bagi jangkitan HIV dan “*hepatitis C virus*” (HCV) dalam kalangan pengguna dadah (Oyaro et al., 2018). Perkongsian jarum suntikan dan rutin penyalahgunaan dadah lain turut menyumbang kepada penularan jangkitan penyakit berkaitan transmisi darah seperti HIV dan HCV (Karabulut & Catak, 2017). Selain itu, prevalens jangkitan HIV dalam kalangan pengguna dadah yang tidak menggunakan jarum suntikan juga semakin meningkat terutamanya melalui hubungan seksual sekaligus menunjukkan kepentingan strategi pencegahan yang menyeluruh bagi menyasarkan kedua-dua kategori pengguna dadah sama ada yang menggunakan jarum suntikan atau tidak (Camoni et al., 2010).

Selain itu, prevalens jangkitan HIV dalam kalangan pengguna dadah di kebanyakan negara seperti China, Itali dan Malaysia berada dalam julat yang agak besar iaitu antara 25% hingga 45% serta menunjukkan bahawa penularan penyakit

HIV adalah serius dalam kalangan populasi tersebut (Singh et al., 2013). “*Human Immunodeficiency Virus*” (HIV) mula dikesan pada awal 1980-an dengan kes pertama dikenal pasti muncul di Amerika Syarikat. Sejak itu, virus ini semakin menular ke serata dunia dengan kes-kes awal dikaitkan dengan hubungan seks songsang (homoseksual) antara lelaki serta perkongsian jarum suntikan dalam kalangan pengguna dadah (CDC, 2021).

Sepanjang tahun 1980-an dan 1990-an, penyakit HIV/AIDS telah menjadi sebuah pandemik global yang menjejaskan status kesihatan berjuta-juta orang di seluruh dunia. Virus tersebut boleh merebak melalui pelbagai cara seperti hubungan seksual, pemindahan/transfusi darah dan jarum suntikan yang tercemar (UNAIDS, 2020). Seterusnya, perkembangan terapi antiretroviral atau “*antiretroviral therapy*” (ART) yang berlaku sekitar tahun 1990-an turut merevolusikan rawatan HIV/AIDS sedia ada. ART dilaporkan membantu dalam menyekat pembentukan virus dan menjadikan HIV sebagai suatu masalah kesihatan kronik yang boleh dikawal (WHO, 2021).

Selain itu, pelbagai usaha antarabangsa untuk memerangi HIV/AIDS telah diperhebat sepanjang tahun 2000-an hingga 2010-an. Organisasi seperti UNAIDS dan WHO berusaha keras untuk meningkatkan tahap kesedaran mengenai penyakit HIV, melakukan langkah-langkah pencegahan serta menyediakan kemudahan rawatan di seluruh dunia (UNAIDS, 2021). Kemudian, sekitar tahun 2010-an, terdapat penurunan ketara dalam jumlah jangkitan baru HIV di kebanyakan negara disebabkan oleh peningkatan jumlah ujian saringan, penyertaan program rawatan dan perlaksanaan langkah-langkah pencegahan (rujuk **Rajah 1.2**). Walaubagaimanapun, terdapat beberapa kawasan di seluruh dunia yang masih bergelut dengan jumlah prevalens tinggi dalam kalangan populasi utama (UNAIDS, 2020).



Rajah 1.2, Bilangan kes jangkitan baru HIV di seluruh dunia bagi tahun 1990 hingga 2021 termasuk sasaran pada tahun 2025 (*Sumber: UNAIDS, Global AIDS Update, 2022*).

Sementara itu, di Malaysia, peningkatan prevalens jangkitan HIV dan “*hepatitis C virus*” (HCV) dalam kalangan pengguna dadah yang tidak menjalani rawatan telah menjadi satu ancaman kesihatan kepada negara (Vicknasingam et al., 2009). Pelbagai kajian telah menekankan kepentingan untuk menangani masalah kesihatan mental dalam kalangan pengguna dadah melalui kaedah dekriminalisasi sebagai langkah untuk meningkatkan hasil keseluruhan (Singh, 2024). Justeru, perlaksanaan strategi pencegahan dan intervensi yang bersesuaian dengan cabaran unik yang dihadapi oleh pengguna dadah di Malaysia amat penting dalam menangani penularan jangkitan STD dan HIV di negara ini.

Walaupun kes pertama jangkitan HIV mula dikesan di Malaysia pada tahun 1986, namun ia dilaporkan semakin meningkat sekitar awal tahun 1990-an. Medium utama penularan virus HIV sepanjang tempoh tersebut adalah melalui perkongsian jarum suntikan yang telah tercemar dalam kalangan pengguna dadah (UNAIDS, 2015). Sekitar lewat tahun 1990-an hingga awal tahun 2000-an menyaksikan epidemik tersebut terus merebak dengan peningkatan jumlah kes dalam kalangan individu yang

mengamalkan hubungan heteroseksual dan terlibat dengan kerja-kerja seks. Sehubungan itu, pihak kerajaan Malaysia mula melaksanakan program-program pencegahan termasuk kempen kesedaran dan inisiatif berbentuk “*harm reduction*” dalam usaha menangani penularan penyakit HIV (UNAIDS, 2015).

Lantaran itu, Malaysia mula mempergiatkan usaha untuk memerangi penyakit HIV sepanjang tahun 2000-an hingga 2010-an melalui inisiatif pengagihan jarum suntikan dan kondom terutama dalam kalangan populasi sasaran seperti pengguna dadah, pekerja seks dan lelaki yang mengamalkan hubungan seks sejenis atau homoseksual (UNAIDS, 2015). Walaubagaimanapun, stigma, diskriminasi dan akses yang terhad terhadap kemudahan kesihatan masih menjadi halangan dalam menangani penularan penyakit HIV. Sehingga kini, Malaysia terus menghadapi cabaran dalam mengawal dan mencegah penularan HIV di mana epidemik tersebut tertumpu dalam kalangan populasi berisiko seperti pengguna dadah yang menggunakan dadah melalui suntikan, pekerja seks dan individu transgender (UNAIDS, 2020).

1.9 Pernyataan Masalah

Ketagihan ialah suatu masalah psikologi dan tingkah laku yang boleh mendatangkan kesan tidak diketahui terhadap sosial, mental dan kefungsi diri seseorang (Zaidi, 2020). El Rawas et al. (2020) mendefinisikan ketagihan dadah sebagai gangguan pelbagai faktor yang disebabkan oleh interaksi kompleks di antara kesan terhadap biologi serta persekitaran yang berpunca daripada dadah. Menurut Hollen (2009), penyalahgunaan dadah merujuk kepada penggunaan sesuatu bahan terlarang dalam jumlah atau kaedah yang boleh membahayakan diri seseorang individu atau orang lain. Hal ini berpunca daripada pengetahuan yang kurang mengenai penyalahgunaan dadah yang dilihat sebagai faktor masyarakat menganggap

perkara ini sebagai masalah sosial terpencil dan semakin meningkat saban tahun (Abdul Ghani et al., 2016).

Sementara itu, prevalens penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja di seluruh dunia dilihat semakin meningkat sejak kebelakangan ini dengan peningkatan ketara dalam eksperimentasi dan penglibatan terhadap penyalahgunaan dadah pada usia muda (Johnston et al., 2019). Guerri dan Pascual (2019) berpendapat bahawa pendedahan terhadap bahan-bahan terlarang ini pada usia remaja boleh menjejaskan kefungsi otak yang sedang menjalani tempoh kematangan serta menyebabkan disfungsi jangka panjang terhadap tingkah laku dan kognitif seseorang remaja. Hal ini amat membimbangkan kerana penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja boleh mengakibatkan kemerosotan pencapaian akademik, keciciran dalam persekolahan dan menjejaskan interaksi sosial (Moss & Goldstein, 2020).

Di samping itu, penglibatan awal remaja dalam penyalahgunaan dadah turut meningkatkan risiko untuk mengalami ketagihan jangka panjang ketika dewasa yang membawa kepada kitaran kebergantungan terhadap bahan (Chambers et al., 2003). Ia juga mengundang kepada pelbagai kesan negatif terhadap sistem kesihatan awam termasuk peningkatan kadar rawatan kecemasan, kemasukan ke hospital dan rawatan kesihatan mental yang boleh menjejaskan penawaran bantuan perubatan kepada masalah kesihatan kritikal yang lain (Grella & Lovinger, 2011). Tambahan pula, French et al. (2008) juga menegaskan bahawa masalah penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja mampu memberikan pelbagai kesan buruk terhadap masyarakat dan ekonomi seperti peningkatan kadar jenayah, penurunan produktiviti kerja dan kos kebajikan sosial yang lebih tinggi.

Selain itu, tabiat penggunaan pelbagai jenis dadah dalam kalangan remaja boleh meningkatkan risiko penyebaran penyakit "*human immunodeficiency virus*" (HIV) disebabkan oleh gabungan pelbagai faktor seperti tingkah laku seksual berisiko, perkongsian alatan menggunakan dadah khususnya jarum suntikan serta peningkatan kadar pengabaian terhadap langkah-langkah pencegahan HIV (Johnston et al., 2020). Masalah penyalahgunaan dadah juga sering dikaitkan dengan kegagalan untuk membuat pertimbangan dan keputusan. Oleh itu, ia berpotensi untuk meningkatkan penglibatan golongan remaja dalam tingkah laku seksual berisiko seperti melakukan hubungan seks tanpa perlindungan yang akan membawa kepada penularan HIV (CDC, 2020; National Institute on Drug Abuse, 2019). Sehubungan itu, kebanyakan remaja yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah didapati cenderung untuk menerima dan mengamalkan norma tingkah laku seksual berisiko termasuk amalan hubungan seksual secara tidak selamat. Hal ini berpunca daripada pengaruh rakan sebaya dan sosial yang boleh mengundang kepada peningkatan tingkah laku berisiko HIV (Bull, 2018; Festinger, 1954).

Seterusnya, stigma masyarakat terhadap masalah penyalahgunaan dadah dan penyakit HIV telah menyukarkan golongan remaja untuk memperoleh maklumat, menjalani ujian dan mendapatkan khidmat rawatan dalam usaha menangani penularan HIV (Earnshaw et al., 2013; Nyblade et al., 2003). Pendidikan seks yang tidak mencukupi di sekolah juga didapati menyebabkan golongan remaja memiliki pengetahuan yang terhad mengenai amalan seks selamat dan langkah-langkah pencegahan HIV serta menyumbang kepada salah tanggapan dan tingkah laku berisiko (UNESCO, 2018; Kirby et al., 2007). Memandangkan prevalens penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja telah mengalami peningkatan yang ketara sejak kebelakangan ini, memahami corak dan faktor-faktor yang mendorong kepada tingkah

laku berisiko HIV terutama dalam kalangan populasi remaja dilihat sangat penting dalam usaha membangunkan pelbagai polisi dan langkah pencegahan untuk membendung penyebaran penyakit HIV.


Maklumat mengenai penggunaan ketum dalam kalangan remaja masih terhad dan kurang diberikan perhatian. Faktor harga yang lebih murah dan mudah untuk diperolehi telah menjadikan pengambilan ketum sebagai pengganti kepada dadah terlarang serta membimbangkan masyarakat setempat terutamanya di utara semenanjung Malaysia (Singh et al., 2013). Ketum yang terdiri daripada alkaloid “*mitragynine*” dan “*7-hydroxymitragynine*” dilaporkan berpotensi untuk mengurangkan simptom gejala tarikan dan keinginan terhadap dadah melalui interaksi dengan reseptor opioid. Kajian juga menunjukkan bahawa ketum boleh digunakan sebagai kaedah pengurangan bahaya (“*harm reduction*”) dengan berfungsi sebagai pengganti kepada opioid serta mengurangkan risiko penggunaan dadah secara berlebihan (Singh et al., 2016; Hassan et al., 2013). Hal ini berikutan remaja yang mempunyai sejarah penyalahgunaan dadah sering mengalami kesakitan pada anggota badan disebabkan oleh gejala tarikan dan menggunakan ketum secara tradisional sebagai analgesik. Kajian membuktikan bahawa sifat analgesik ketum dapat membantu menghilangkan kesakitan serta mengurangkan keinginan terhadap dadah dalam kalangan remaja yang ingin mengatasi kebergantungan terhadap bahan terlarang (Prozialeck et al., 2012; Boyer et al., 2008).

Dalam pada itu, remaja yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah sering mengalami gangguan emosi dan kebimbangan (“*anxiety*”) yang teruk. Maka, penggunaan ketum dapat memberikan kesan “*anxiolytic*” dan membantu dalam meningkatkan “*mood*” melalui interaksi dengan reseptor serotonin. Ketum juga berpotensi untuk digunakan sebagai terapi tambahan bagi mengatasi masalah

“anxiety” dan gangguan emosi dalam kalangan remaja (Khor et al., 2011; Jansen & Prast, 1988). Selain daripada itu, penyalahgunaan dadah yang kronik turut menjejaskan fungsi kognitif dan daya tumpuan remaja. Kajian prevalens yang dijalankan telah menunjukkan bahawa ketum berupaya untuk meningkatkan fungsi kognitif tetapi lebih banyak kajian diperlukan untuk membuktikan kesan jangka panjang ketum (Suhaimi et al., 2016; Vicknasingam et al., 2010).

Justeru, adalah penting untuk menjalankan lebih banyak kajian mengenai kesan penggunaan daun ketum terhadap golongan remaja yang terlibat dengan masalah penyalahgunaan dadah. Hasil daripada kajian ini dapat membantu pembuat dasar dan penyedia program rawatan dan pemulihan untuk memahami dengan lebih mendalam penglibatan remaja dalam masalah penyalahgunaan dadah, tingkah laku berisiko HIV serta manfaat penggunaan ketum sebagai pengganti kepada bahan-bahan terlarang dalam usaha untuk membangunkan langkah-langkah intervensi dan pencegahan bagi membendung penglibatan remaja dalam aktiviti penyalahgunaan dadah di Malaysia.

1.10 Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 1.3, Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual bagi kajian ini telah ditunjukkan dalam **Rajah 1.3**.

Maksud bagi singkatan perkataan yang digunakan turut dijelaskan dalam bahagian ini untuk memudahkan pemahaman (sila rujuk **Jadual 1.6**).

Jadual 1.6, Definisi Terma

PUSPEN	Pusat Pemulihan Penagihan Narkotik (PUSPEN) merupakan sebuah institusi yang menyediakan program rawatan dan pemulihan kepada individu yang telah disahkan mengalami masalah ketagihan dadah oleh pegawai perubatan berdaftar.
HIV	“ <i>Human Immunodeficiency Virus</i> ” (HIV) ialah sejenis retrovirus yang menyerang sistem imun manusia terutama sel CD4 T (sel darah putih yang penting untuk sistem imun berfungsi dengan baik).
Mandatori	Mandatori bermaksud suatu kewajipan atau sesuatu perbuatan atau peraturan yang perlu dipatuhi tanpa pengecualian.
Ketum	Ketum (<i>Mitragyna speciosa</i>) ialah sejenis tumbuhan yang mengandungi bahan psikoaktif seperti <i>mitragynine</i> dan <i>7-hydroxymitragynine</i> yang berinteraksi dengan reseptor opioid dalam otak serta mampu menghasilkan kesan rangsangan dan penenang bergantung pada jumlah dos dan jenis baka ketum yang digunakan.

1.11 Hipotesis Kajian

Remaja yang terlibat dalam masalah penyalahgunaan dadah cenderung untuk terlibat dengan tingkah laku berisiko seksual dan menggunakan ketum (*Mitragyna speciosa*) untuk pelbagai tujuan di Malaysia.

- i) Remaja di Malaysia menggunakan dadah terlarang dan ketum untuk pelbagai tujuan.
- ii) Remaja yang menggunakan dadah terlarang di Malaysia cenderung untuk terlibat dengan tingkah laku berisiko HIV.

1.12 Persoalan Kajian

- i) Apakah ciri-ciri sosio-demografi remaja yang terlibat dengan masalah penyalahgunaan dadah di Malaysia?
- ii) Mengapakah remaja menggunakan dadah di Malaysia?
- iii) Apakah prevalens dan faktor-faktor penggunaan ketum dalam kalangan remaja yang terlibat dengan masalah penyalahgunaan dadah di Malaysia?
- iv) Adakah remaja yang terlibat dengan masalah penyalahgunaan dadah terlibat dalam tingkah laku seksual berisiko di Malaysia?

1.13 Objektif Kajian

- i) Menentukan ciri-ciri sosio-demografi remaja yang terlibat dengan masalah penyalahgunaan dadah di Malaysia.
- ii) Mengenalpasti motif penggunaan dadah dalam kalangan remaja yang terlibat dengan masalah penyalahgunaan dadah di Malaysia.